

PENUBUHAN TABUNG KHAS UNTUK PEMBINAAN MASJID-MASJID BAHARU DI NEGERI PERAK

1. MUKADDIMAH

Pembinaan masjid merupakan amalan sunnah yang sangat digalakkan dalam Islam. Dalilnya berdasarkan hadis Rasulullah S.A.W:

” مَنْ بَنَى مَسْجِدًا لِلَّهِ كَفَحَصَ قَطَاةٍ أَوْ أَصْغَرَ بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ ”¹

Rasulullah S.A.W bersabda: “Siapa yang membina masjid kerana Allah, sekalipun hanya seperti sarang burung atau lebih kecil, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga” (Hadis Sahih Sunan Ibn Majah)

Al-Quran juga menegaskan keutamaan memakmurkan masjid dan apakah ciri-ciri golongan tersebut sebagaimana firman Allah S.W.T.:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ
فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٠٧﴾

Ertinya: “Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”

DEFINISI MASJID

Definisi masjid dari sudut bahasa: [mas.jid] Bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain.² Definisi masjid dari sudut istilah dan ‘urf: tempat yang disediakan bagi mengerjakan sembahyang untuk selama-lamanya.³

Penubuhan Tabung Khas pula dalam instrumen Pembangunan prasarana yang berkaitan dengan agama Islam seringkali dikaitkan dengan amalan wakaf. Amalan berwakaf merupakan

¹ Sunan Ibn Majah, Jilid 2, Halaman 59, No. Hadis: 738

² Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=masjid>

³ Mu‘jam Lughat Al-Fuqaha, halaman 428

salah satu bentuk amalan sedekah dan infaq yang amat dianjurkan oleh Allah SWT di dalam syariat Islam untuk saling membantu sesama insan dalam merealisasikan kemaslahatan sejagat. Allah S.W.T. berfirman:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: “Kamu tidak akan memperoleh pahala kebajikan yang sempurna sehingga kamu menginfakkan sebahagian daripada harta yang kamu sayangi. Apa jua yang kamu infak, maka sesungguhnya Allah mengetahui tentangnya.”

(Surah Ali ‘Imran: 92)

DEFINISI WAKAF

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, perkataan **wakaf** ⁴ merujuk kepada sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai atau sesuatu yang diperuntukkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam. Sebagai contoh, tanah wakaf ialah tanah yang diuntukkan bagi keperluan agama seperti untuk perkuburan, mendirikan masjid, dan lain-lain.

Dalam Bahasa Arab pula, wakaf berasal daripada perkataan *waqf* (وَقَفَ) bererti berdiri atau berhenti.⁵

Apabila kita telah mewakafkan sesuatu harta, maka harta yang diwakafkan tersebut adalah hak milik mutlak Allah S.W.T. secara kekal abadi, selama-lamanya. Tidak boleh ditarik-balik atau dibatalkan.

Imam Ibn Raslan al-Ramli al-Syafi'i mendendangkan syair⁶:

وَالْوَقْفُ لَازِمٌ وَمِلْكُ الْبَارِي ... أَلْوَقْفُ، وَالْمَسْجِدُ كَالْأَحْرَارِ

“Wakaf itu sifatnya lazim (terus berkuatkuasa), ia hak milik mutlak Allah,
Dan status pemilikan masjid adalah sama seperti orang merdeka (ia milik Allah).”

Harta tersebut bukan lagi milik pewakaf tersebut, namun telah menjadi milik Allah SWT. Wakaf telah mengangkat status pemilikan daripada pemilik asal. Pewakaf tersebut tidak bebas dalam menguruskannya, dan tidak boleh melakukan apa sahaja sewenang-wenangnya; wakaf tidak

⁴ Kamus Dewan Edisi Keempat (<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=wakaf>)

⁵ Lisan Al-'Arab, Jilid 9, Halaman 359

⁶ Safwah Az-Zubad, Halaman 153

boleh dibatalkan, ia tidak boleh dijual beli, dihadiahkan, diwariskan atau dipindahkan hak pemilikan.

Masjid merupakan bangunan yang **diwakafkan** kepada agama dan jalan Allah untuk kegunaan selama-lamanya bagi kegunaan, kebaikan dan kemaslahatan umat Islam dan pahala para pewakaf tidak akan terputus dan terus mengalir. Sabda Rasulullah S.A.W.⁷:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ؛ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A., bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda: Apabila mati seorang insan, maka terputuslah segala amalannya, kecuali daripada tiga perkara; sedekah jariah yang berpanjangan manfaatnya, atau ilmu bermanfaat yang diajarkannya (pada orang lain), atau doa anak yang soleh yang mendoakannya.” (Riwayat Muslim).

Ayat Al-Qur'an, hadis dan petikan kitab ini menjadi antara asas perbincangan menubuhkan suatu sumber atau dana khas demi tujuan kemaslahatan pembinaan dan pemeliharaan masjid sebagai rumah Allah.

PENGURUSAN WANG TABUNG MASJID

Secara asasnya, duit-duit sumbangan yang diberikan oleh seseorang itu hendaklah diuruskan atau disalurkan kepada sudut-sudut yang telah ditetapkan atau diniatkan oleh orang yang menderma. Sebagai contoh, apabila seorang yang menyumbangkan wang dermanya kepada tabung-tabung khas untuk pengurusan anak yatim, maka duit tersebut hanyalah digunakan kepada tujuan tersebut sahaja dan bukannya kepada tujuan-tujuan lain yang tidak berkaitan dengan niat penyumbang (penderma). Berikut merupakan kata-kata dari Syeikh Zakaria al-Ansari *Rahimahullah* yang menyebut⁸:

(وَلَوْ أَعْطَاهُ دَرَاهِمَ وَقَالَ اشْتَرِ لَكَ) بِهَا (عِمَامَةً أَوْ أُدْخِلُ بِهَا الْحَمَّامَ) أَوْ نَحْوَ ذَلِكَ (تَعَيَّنَتْ) لِذَلِكَ
مُرَاعَاةً لِعَرَضِ الدَّافِعِ هَذَا

⁷ Sahih Muslim, Jilid 5, Halaman 73, No. Hadis: 1631

⁸ Asna al-Mathalib, Jilid 2, Halaman 479.

Maksudnya: Sekiranya seseorang itu memberikan beberapa dirham kepadanya dan berkata: "Belilah buat diri kamu serban dengan wang ini atau bawalah serban ini ke dalam tempat mandi", atau (ucapan) seumpamanya, maka menjadi tuntutan kepadanya melakukan perkara tersebut bagi meraikan tujuan individu yang menyumbangkan (wang tersebut).

Namun sekiranya seseorang itu menderma atau bersedekah di tabung masjid secara umum, iaitu bukan tabung khas yang bersifat spesifik kepada program atau golongan tertentu, maka duit sumbangan ini **boleh digunakan untuk apa sahaja aktiviti atau kepada siapa sahaja golongan yang memerlukan selama mana terdapatnya *masalah* kaum muslimin menerusi pemberian tersebut.**

Iniilah yang difahami daripada kenyataan Syeikh Zakaria al-Ansari yang menyebut⁹:

وَإِنْ لَمْ يُقْصَدْ ذَلِكَ بِأَنْ قَالَهُ عَلَى سَبِيلِ التَّبَسُّطِ الْمُعْتَادِ (فَلَا) تَتَعَيَّنُ لِدَلِيلِكَ بَلْ يَمْلِكُهَا أَوْ يَتَصَرَّفُ فِيهَا كَيْفَ شَاءَ

"Sekiranya tidak, iaitu jika dia (orang yang memberikan duit) tidak menyertakan tujuannya, seperti dia menyebut (gunakanlah wang) dalam bentuk penuh keluasan yang mengikut adat kebiasaan, maka tidak ditentukan wang tersebut untuk diguna pada perkara (yang ditetapkan itu). Bahkan dia (yang menerima wang) memilikinya atau dia boleh menggunakan wang tersebut sebagaimana yang dia kehendaki."

DEFINISI ULUL AMRI

Para ulama' telah mengemukakan beberapa takrif, antaranya:

- Ulul Amri sebagai ganti *khilafah nubuwwah* dalam memelihara agama dan mengurus tadbir dunia.¹⁰
- Ulul Amri adalah pemerintah yang sempurna, kerajaan yang bersifat umum, tertakluk pada yang khusus dan umum dalam perkara-perkara penting agama dan dunia.¹¹
- Ulul Amri merupakan tanggungjawab yang sempurna atas semua isu syarak dalam masalahat mereka; ukhrawi dan duniawi, yang kembali kepadanya. Ini kerana, keadaan dunia kembali semuanya di sisi syarak kepada iktibar dengan masalahat akhirat. Maka

⁹ Asna al-Mathalib, Jilid 2, Halaman 480.

¹⁰ Al-Ahkam As-Sultaniyyah, Halaman 29

¹¹ Ghiyath Al-Umam fi At-Tayyas Az-Zulam, Halaman 22

ia pada hakikatnya adalah *khilafah* atau pengganti kepada pemilik syariat dalam memelihara agama dan mengurus tadbir dunia dengannya.¹²

Perkataan Waliyyul Amri memberi maksud pemerintah atau dalam istilah moden adalah Yang di-Pertuan Agong, raja-raja, perdana menteri, presiden atau pemerintah utama pada satu-satu tempat, negeri mahupun negara.

2. OBJEKTIF

Kertas kajian ini bertujuan bagi membincangkan tentang hukum-hakam fiqh berkaitan **Penubuhan Tabung Khas Untuk Pembinaan Masjid-Masjid Baharu Di Negeri Perak**. Kertas Kajian ini juga bertujuan menjelaskan kepentingan serta keperluan penubuhan tabung khas pembinaan masjid-masjid baharu sebagai mekanisme sistematik bagi pengumpulan, pengurusan, dan penyaluran dana umat Islam untuk tujuan pembangunan infrastruktur ibadah dan sosial di peringkat negeri.

Objektif Khusus:

1. Menggalakkan budaya infaq, sedekah jariah dan wakaf tunai dalam kalangan masyarakat Islam di Negeri Perak sebagai sumber utama pembiayaan pembinaan masjid-masjid baharu .
2. Menjadi platform rasmi dan telus bagi mengurus sumbangan umat Islam melalui akaun yang diaudit serta dipantau oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk).
3. Menyediakan dana berpusat yang berterusan untuk melaksanakan projek pembinaan dan penyelenggaraan masjid baharu, terutamanya di kawasan luar bandar atau kawasan yang mengalami pertambahan penduduk.
4. Menjamin keseimbangan pembinaan masjid di seluruh negeri, agar tidak tertumpu di kawasan bandar sahaja, dengan menilai keutamaan berdasarkan keperluan kariah dan analisis geografi penduduk Islam.
5. Meningkatkan peranan strategik masjid bukan sekadar tempat ibadah, tetapi sebagai pusat dakwah, pendidikan, sosial, dan pembangunan komuniti Islam di Negeri Perak.

¹² Al-Muqaddimah, Jilid 2, Halaman 578.

6. Mengukuhkan pengurusan kewangan Islam di peringkat negeri dengan mengamalkan sistem tadbir urus baik (*good governance*) dalam pengurusan sumbangan awam dan pelaburan jariah.
7. Menjadi model pelaksanaan tabung hijau dan amalan lestari, memastikan setiap projek pembinaan masjid baharu mematuhi standard keberlanjutan dan mesra alam sejajar dengan dasar kerajaan Negeri Perak.

3. HUJAH DAN PANDANGAN MAZHAB

MAZHAB SYAFI'I

Prinsip Umum Dalam Mazhab Syafi'i

Dalam mazhab Imam Al-Syafi'i, harta masjid dan harta wakafnya tidak boleh dipindahkan hak pemilikan atau digunakan untuk tujuan lain selain masjid itu sendiri, selagi mana masih ada kepentingan atau manfaat padanya. Ini kerana harta tersebut dianggap wakaf kepada Allah S.W.T., bukan milik jemaah masjid mahupun pentadbir masjid. Maka, walaupun pemerintah tertinggi (ulul amri) mempunyai kuasa mentadbir urusan awam, pihak ulul amri tidak boleh memindahkan harta masjid sewenang-wenangnya kepada tujuan lain tanpa darurat mahupun sebab syar'i yang munasabah serta keizinan para pewakaf, sepertimana kaedah fiqh¹³:

إن نص الواقف كنص الشارع

“Sesungguhnya teks (atau pernyataan) pewakaf adalah seperti teks (perintah) syarak”.

Dalam kitab l'anah At-Talibīn, disebut¹⁴:

(لا يجوز نقل مال المسجد أو آلاته إلى مسجد آخر إلا إذا استُغني عنها بالكلية، وإلا كان ذلك

تضييعاً للوقف)

“Tidak boleh dipindahkan harta atau peralatan masjid kepada masjid lain kecuali setelah benar-benar tiada lagi keperluan terhadapnya; jika tidak, perbuatan itu termasuk dalam membazirkan harta wakaf.”

¹³ Artikel Kaedah (إن نص الواقف كنص الشارع), Hakikatnya dan Aplikasinya.

<https://adlm.moj.gov.sa/attach/11480.pdf>

¹⁴ l'anah At-Talibīn, Jilid 3, Halaman 258.

Petikan kata-kata Al-Imam An-Nawawi lagi di dalam Kitab Mughni Al-Muhtaj Syarah Al-Minhaj¹⁵ berkaitan harta wakaf yang sudah tidak boleh digunakan lagi;

وَالْأَصْحَحُّ جَوَازُ بَيْعِ حُضْرِ الْمَسْجِدِ إِذَا بَلَيْتَ وَجُدُوهُ إِذَا انْكَسَرَتْ وَلَمْ تَصْلُحْ إِلَّا لِلْإِحْرَاقِ

“Dan menurut pendapat yang paling sahih, diharuskan menjual karpet-karpet masjid jika telah usang, dan juga tiang-tiang (dan binaan masjid) yang telah retak dan hampir roboh dan (jika) tidak boleh digunakan (bagi kegunaan lainnya selain kepentingan masjid) kecuali dibakar.”

Berdasarkan kaedah ini, wang atau harta dalam tabung masjid sedia ada yang masih boleh digunakan dan dimanfaatkan, tidak boleh digunakan untuk membina masjid lain yang belum wujud, kerana niat penderma tertumpu kepada masjid asal, bukan projek baru yang lain.

Namun, jika pemerintah mengeluarkan arahan umum untuk mengumpul **sumbangan baru** yang jelas tujuannya bagi “wakaf pembinaan masjid baharu”, maka tindakan itu harus, kerana ia merupakan inisiatif baru berdasarkan masalah syar’iyyah (kepentingan agama).

MAZHAB HANAFI

Mazhab Hanafi membenarkan pemindahan dana asal masjid ke masjid yang lain hanya jika masjid asal sudah rosak, sudah tiada manfaat langsung, masjid tersebut sudah tiada kebaikan dan kepentingan, ketiadaan jemaah yang mampu mengimarahkannya serta perlaksanaannya harus dengan kebenaran pihak pemerintah¹⁶. Justifikasinya ialah, tujuan asal wakaf ialah kelangsungan manfaat, oleh sebab itu pemindahan dibenarkan jika manfaat asal telah luput.¹⁷

MAZHAB MALIKI

Mazhab Maliki tidak membenarkan pemindahan dana masjid lama ke masjid baru, kecuali apabila masjid lama tidak boleh digunakan lagi; lebihan dana boleh dilaburkan untuk masjid baru di kawasan sama dan dalam persekitaran sasaran jemaah yang sama.¹⁸ Justifikasinya ialah agar prinsip utama terpelihara dalam terus memberi manfaat asal dan memastikan kelangsungan fungsi ibadah.¹⁹

¹⁵ Mughni Al-Muhtaj Syarah Al-Minhaj, Jilid 3, Halaman 551.

¹⁶ Durrul Mukhtar, Hasyiah Ibn Abidin, Jilid 4, Halaman 358.

¹⁷ Dar Al-Iftaa’ Al-Misriyyah (<https://www.dar-alifta.org/ar/fatwa/details/15577/>-حكم بيع-أنقاض-مسجد-قديم-لبناء-مسجد-جديد)

¹⁸ At-Taj wal Ikhlil Li mUkhtasar Khalil, Jilid 7, Halaman 662.

¹⁹ Dar Al-Iftaa’ Al-Misriyyah (<https://www.dar-alifta.org/ar/fatwa/details/15577/>-حكم بيع-أنقاض-مسجد-قديم-لبناء-مسجد-جديد)

MAZHAB HANBALI

Ibn Qudāmah dalam Al-Mughnī²⁰ membenarkan untuk menjual masjid sekiranya masjid tersebut sudah rosak serta tiada manfaat dan tidak dapat berfungsi dengan baik sebagaimana yang sepatutnya seperti masjid tersebut sangat sempit sehingga menyukarkan jemaah ingin melaksanakan solat serta tiada ruang lagi untuk dilaksanakan peluasan masjid. Maka dibenarkan untuk diambil nilai hasil jualan masjid lama untuk membina masjid baru dengan menggunakan hasil tersebut²¹. Lebihan barangan masjid seperti permaidani, minyak lampu atau dana lebihan boleh digunakan untuk masjid lain atau disedekahkan kepada fakir miskin jika masjid asal mencukupi. Justifikasinya ialah, berdasarkan konsep *tasarruf bi al-maslahah* – perbelanjaan berdasarkan kemaslahatan.

Dalam Mausu'ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah disebut²²:

“Jumhur fuqaha’ daripada kalangan Mazhab Maliki, Syafi’i, dan Hanbali, serta Abu Yusuf dan Muhammad al-Syaibani dari kalangan Mazhab Hanafi berpendapat bahawa apabila satu wakaf dilakukan oleh seseorang yang mempunyai kelayakan sah untuk mentadbir harta dan telah memenuhi segala syaratnya, maka wakaf tersebut menjadi mengikat (tidak boleh dibatalkan). Dengan itu, hak pewakaf untuk melakukan sebarang bentuk urus niaga atau tindakan terhadap harta yang diwakafkannya terputus, dan tidak harus baginya untuk melakukan apa-apa tindakan yang boleh merosakkan tujuan sebenar wakaf tersebut. Maka, harta wakaf itu tidak boleh dijual, tidak boleh dihibahkan (dihadiahkan), dan tidak boleh diwariskan.

Hal ini berdasarkan sabda Nabi SAW kepada Saidina Umar bin al-Khattab RA ketika beliau ingin mewakafkan tanahnya di Khaibar:

تَصَدَّقْ بِأَصْلِهِ، وَلَا يُبَاعَ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ

“Tahanlah (wakafkanlah) harta pokoknya, dan sedekahkanlah hasilnya, ia tidak boleh dijual, tidak boleh dihibahkan dan tidak boleh diwariskan.” (Hadis Sahih Bukhari & Muslim)²³

²⁰ Al-Mughnī li Ibn Qudāmah, Jilid 6, Halaman 28

²¹ Dar Al-Iftaa' Al-Misriyyah (<https://www.dar-alifta.org/ar/fatwa/details/15577/>-حكم بيع-أنقاض-مسجد-قديم-لبناء-مسجد-جديد)

²² Mausu'ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah, Jilid 44, Halaman 119.

²³ Sahih Al-Bukhari, No. Hadis: 2764, Sahih Muslim, No. Hadis: 1633

Justeru, kesemua mazhab membenarkan usaha menubuhkan tabung khas sebagai satu bentuk infaq fi sabilillah untuk kemaslahatan umat.

4. PANDANGAN KONTEMPORARI

1. **Dar Al-Ifta' Al-Misriyyah:** Fatwa no. 11990 menjelaskan bahawa “Dibenarkan (harus) bagi ناظر (pemegang amanah), setelah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa dan pemerintah yang bertanggungjawab terhadap, untuk mengurus dan membelanjakan lebihan wang hasil wakaf yang melebihi keperluan masjid asal yang diwakafkan itu dengan menyalurkannya kepada masjid lain yang memerlukan, kerana tindakan tersebut adalah lebih hampir kepada tujuan dan niat sebenar pewakaf.²⁴
2. **Dar Al-Iftaa' Al-Urduniyyah²⁵:** “Wang yang dikumpulkan bagi tujuan pembinaan sesuatu wakaf seperti masjid, misalnya, mengambil hukum sebagai wakaf — dari sudut bahawa wang tersebut telah keluar daripada milikan pemiliknya dan tidak lagi dimiliki oleh sesiapa, serta tiada seorang pun yang berhak mengurusnya menurut kehendaknya sendiri. Maka, wang itu kekal berstatus wakaf sehingga proses pembinaannya siap. Justeru, pihak yang bertanggungjawab terhadap projek ini wajib berusaha dengan sepenuh kemampuan untuk menyiapkannya. Perlu diingat, bahawa wang yang dikutip untuk pembinaan masjid tidak boleh diambil daripada harta zakat, bahkan ia hendaklah daripada harta sedekah (wakaf) dan derma biasa. Ini kerana, zakat tidak boleh digunakan untuk membina masjid atau seumpamanya, disebabkan al-Quran telah menetapkan perbelanjaan zakat hanya untuk lapan golongan tertentu, sebagaimana firman Allah S.W.T.:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٢٠٦﴾

“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil yang menguruskannya, orang yang dijinakkan hatinya, untuk memerdekakan hamba, orang yang berhutang, pada jalan Allah, dan untuk musafir yang

²⁴ Dar Al-Iftaa' Al-Misriyyah (<https://www.dar-alifta.org/ar/fatwa/details/11990/>) صرف-الفائض-من-وقف-المسجد- (إلى-مسجد-آخر)

²⁵ Dar Al-Iftaa' Al-Urduniyyah (<https://aliftaa.jo/research-fatwas/3808/>) (ضوابط-صرف-أموال-التبرعات)

kehabisan bekalan — sebagai kewajiban daripada Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.” (Surah At-Tawbah: 60).

Dan apa-apa yang telah dikutip untuk masjid daripada sumbangan dan sedekah tidak boleh dibelanjakan kepada tujuan lain seperti perbelanjaan perjalanan, makanan atau seumpamanya, kecuali jika penderma memberikan kebenaran pada kadar tertentu setelah dimaklumkan tentang situasi sebenar. Maka, pada keadaan seperti itu barulah dibolehkan untuk menggunakan sebahagian perbelanjaan bagi tujuan perjalanan mengumpul dana dengan syarat perbelanjaan tersebut dilakukan secara berpatutan dan demi maslahat yang diiktiraf.

Adapun pelaburan dana sedekah (hasil kutipan) — maka hukumnya tidak harus dilakukan kecuali setelah dimaklumkan terlebih dahulu kepada semua penyumbang ketika proses kutipan dilakukan. Ini kerana tujuan asal para penderma adalah untuk menyalurkan sumbangan mereka terus kepada tujuan yang ditetapkan, dan mereka mungkin tidak bersetuju jika penggunaannya ditangguhkan atau didedahkan kepada risiko kerugian. Maka, syarat penderma wajib dihormati dari sudut syarak.

Berkata Syeikh al-Islam Zakariyya al-Ansari R.H.M²⁶:

ولو شرط الواقف شيئاً يقصد كشرط أن لا يؤجر، أو أن يفضل أحد أو يسوي،
أو اختصاص نحو مسجد كمدرسة ورباط بطائفة كشافعية، اتبع شرطه رعاية لغرضه
وعملًا بشرطه

“Jika pewakaf menetapkan sesuatu syarat dengan tujuan tertentu, seperti syarat supaya harta wakaf tidak disewakan, atau memberi keutamaan kepada satu pihak, atau disamakan antara dua pihak, atau dikhususkan manfaatnya kepada kumpulan tertentu seperti Syafi’iyyah dalam sebuah institusi seperti masjid, madrasah, atau ribat – maka hendaklah syaratnya diikuti demi menjaga tujuan pewakaf dan melaksanakan kehendaknya.”

²⁶ Fathul Wahhab, Jilid 1, Halaman 308

Prinsip asasnya ialah penggunaan derma dan sumbangan hendaklah mengikut niat dan syarat penderma, kerana dalam konteks ini penderma mempunyai kedudukan seperti pewakaf, dan hukum asal dalam wakaf ialah mematuhi syarat pewakaf. Oleh itu, wang tersebut tidak boleh dibelanjakan kecuali bagi tujuan yang dimaksudkan oleh penderma. Sebagaimana dinyatakan dalam kitab Hāsyiah I'ānātu al-Tālibīn²⁷:

فلذلك يقولون شرط الواقف كنص الشارع

“Disebabkan hal inilah para fuqaha mengatakan: Syarat pewakaf adalah seperti nas syarak.”

3. **Dr. Wahbah Az-Zuhaili:** Mengiktiraf penggunaan wakaf tunai (cash waqf) untuk membina masjid atau membiayai pembaikan masjid kerana termasuk dalam maqasid syariah iaitu memelihara agama (hifz al-din)²⁸.
4. **Jabatan Mufti Negeri Pahang:** Menyatakan bahawa penubuhan tabung khas untuk tujuan tertentu seperti pembinaan masjid, kebajikan atau pendidikan agama adalah diharuskan dengan syarat mempunyai label dan penyata aliran tunai yang telus²⁹.
5. **Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (Siri Bayan Linnas ke-218):** Diharuskan menubuhkan tabung khas bagi tujuan tertentu seperti Tabung Asnaf, Tabung Pembinaan Masjid, atau Tabung Utiliti, dengan syarat penggunaan dana mesti tepat pada tujuan asal yang diiklankan. Jika tabung masjid bersifat umum, ia boleh digunakan untuk manfaat umat Islam termasuk luar kariah — tetapi keutamaannya tetap untuk kegunaan kariah sendiri. Dibenarkan jika tabung itu dikhususkan (seperti Tabung Pembinaan Masjid Al-Munawwarah), penggunaannya mesti menurut tujuan asal³⁰.
6. **Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk):** Menggalakkan semua masjid di Perak membuka tabung khas derma rakyat untuk projek pembinaan

²⁷ Hāsyiah I'ānātu al-Tālibīn, Jilid 3, Halaman 200

²⁸ Fiqhul Islami wa Adillatuh, Jilid 3

²⁹ Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Pahang (<https://mufti.pahang.gov.my/musykil/hukum-tabung-masjid>)

³⁰ Portal Rasmi Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3856-bayan-linnas-siri-ke-218-pandangan-mengenai-isu-pengurusan-wang-tabung-masjid>)

atau pembelian tanah masjid. Ini dibuktikan dalam kes pembelian semula tanah Masjid Jamek Ar-Ridzuan di Alor Pongsu yang dikutip sebanyak RM2.1 juta secara sah dan diaudit³¹.

7. **Jabatan Mufti Selangor:** Dalam fatwa rasmi (2023), jika terdapat lebihan dana pembangunan, wang tersebut boleh digunakan untuk pembangunan masjid lain hanya setelah keputusan dibuat melalui mesyuarat rasmi dan diumumkan kepada penderma. Ditekankan supaya pada masa depan, kutipan derma dibuat dalam bentuk yang “umum” untuk mengelakkan kekeliruan³².
8. **Fatwa Negeri Kedah & Pulau Pinang:** Fatwa tahun 1963 dan dihimpunkan semula oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam menyebut bahawa jika masjid lama dirobohkan, hasil jualan bahan-bahan masjid atau lebihan dana boleh digunakan untuk membina masjid baru sebagai penerusan wakaf³³.

5. KAEDAH FIQH DAN PRINSIP FIQH

1. **الأصل بقاء ما كان على ما كان / الأمور بمقاصدها** KAEDAH

- Setiap perkara (dinilai) dengan apakah tujuannya
- Asal keadaan bagi sesuatu perkara adalah kekal sebagaimana hal keadaan sebelumnya
- Larangan menyalahi niat penderma, berdasarkan hadis sahih:

إنما الأعمال بالنيات

“Sesungguhnya amalan itu bergantung kepada niat.”³⁴

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Dana yang dikutip atas nama masjid tertentu tidak boleh diguna untuk projek lain kerana niat penyumbang telah ditentukan pada masjid itu³⁵.

³¹ <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tanah-masjid-jamek-ar-rizuan-kutipan-dana-capai-sasaran-urusan-jual-beli-segera-dilakukan-maipk-519910>

³² Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor (<https://emuskil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/jawapan?id=4182>)

³³ Fatwa-Fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi Dan Kewangan Masjid, Asharaf Mohd. Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy. Haris, Mohd. Aizuddin Abd. Aziz

³⁴ Sahih Bukhari, Jilid 1, Halaman 6, No. Hadis: 1

³⁵ Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Pahang (<https://mufti.pahang.gov.my/musykil/hukum-tabung-masjid>)

2. **KAEDAH الوسائل لها أحكام المقاصد**

- Tujuan dan matlamat menentukan hukum-hakam cara dan wasilah.
- Jika matlamatnya membangunkan ibadah umum, tetapi kaedahnya melanggar amanah, maka hukumnya tidak dibenarkan.

3. **KAEDAH الوقف لا يباع ولا يوهب**

- Berdasarkan l'anah At-Talibin dan Safwah Az-Zubad — harta wakaf hanya boleh dipindahkan ke tempat lain apabila manfaatnya telah hilang sepenuhnya di tempat asal.

4. **KAEDAH SEDEKAH JARIYAH:** Pembinaan masjid termasuk dalam hadis:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ؛ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

“Apabila mati seorang insan, maka terputuslah segala amalannya, kecuali daripada tiga perkara; sedekah jariah yang berpanjangan manfaatnya, atau ilmu bermanfaat yang diajarkannya (pada orang lain), atau doa anak yang soleh yang mendoakannya.” (Riwayat Muslim)³⁶.

5. **KAEDAH MASLAHAH DAN SYURA:** Penubuhan tabung khas berada di bawah prinsip maslahah mursalah — menggalakkan pengumpulan dana yang teratur dan bebas daripada penyalahgunaan untuk manfaat masyarakat.

6. **KAEDAH HIFZ AL-MAL (PENJAGAAN HARTA UMUM):** Dana mestilah diurus dengan akaun berasingan, dilaporkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIPk) bagi memastikan ketelusan dan kelangsungan matlamat.

6. KEEMPAT: KUASA PEMERINTAH (أول الأمر) DALAM MENGUMPUL DANA UMAT

³⁶ Sahih Muslim, Jilid 5, Halaman 73, No. Hadis: 1631

1. Imam al-Nawawi (Syarah Sahih Muslim & al-Majmū'), Imam al-Nawawi menjelaskan bahawa imam mempunyai kuasa untuk menguruskan perbendaharaan negara dan pendapatan umum seperti zakat, kharaj, jizyah, dan 'usur, dengan syarat penyaluran berdasarkan maslahat dan keutamaan³⁷:

وَيَصْرِفُ الْإِمَامُ الْأَمْوَالَ الْعَامَّةَ كَالزَّكَاةِ وَالْخَرَاجِ وَالْجِزْيَةِ عَلَى مَا يَرَاهُ مِنَ الْمَصْلَحَةِ،
مُقَدِّمًا الْأَهَمَّ فَأَلْهَمَ.

“Imam berhak mengurus harta-harta umum seperti zakat, kharaj dan jizyah mengikut pertimbangan maslahat, dengan mendahulukan perkara yang paling penting dan seterusnya.”)

Huraian: Ulama Syafi'i membenarkan imam menilai keutamaan dan maslahat sesuatu bentuk perbelanjaan. Ia adalah sebahagian daripada tanggungjawab kepimpinan dalam mengurus “hak Allah” dan “hak umum umat Islam”.

2. Al-Hāwī al-Kabīr oleh al-Māwardī:

الْعَامِلُونَ عَلَيْهَا: مَنْ وَلَّاهُمُ الْوَلِيُّ قَبْضَهَا، وَلَا غِنَى لِلْوَلِيِّ عَنْ مُعَوَّتِهِمْ عَلَيْهَا، وَأَمَّا الْخَلِيفَةُ
وَوَلِيُّ الْإِقْلِيمِ، فَهُمَا يَلَيَّانِ قَبْضَ الصَّدَقَةِ وَسَائِرِ الْحُقُوقِ الْعَامَّةِ.”

“Mereka yang bekerja mengurus zakat ialah orang yang dilantik oleh pemerintah bagi memungutnya, dan pemerintah tidak akan dapat melaksanakan hal itu tanpanya. Manakala khalifah dan gabenor wilayah ialah pihak yang memegang kuasa dalam memungut zakat serta mengurus segala hak awam.”³⁸

3. Huraian: Kitab ini menunjukkan bahawa dalam struktur fiqh Syafi'i, segala urusan berkaitan harta zakat dan Baitul Mal mesti berpusat kepada pemerintah syarie (ulil amri) sebagai wakil umat. Kutipan bersifat sukarela dan tidak dipaksa (kerana sedekah mesti dengan kerelaan hati).

³⁷ Al-Majmū' Syarḥ al-Muhazzab, Jilid 6.

³⁸ Al-Hāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Syāfi'ī

4. Tujuannya jelas dan diumumkan supaya tidak berlaku kekeliruan antara dana lama dan dana baru.
5. Pengurusan dana dilakukan secara telus di bawah tanggungjawab pemegang amanah wakaf dan jabatan agama.³⁹
6. Dalam konteks ini, pemerintah boleh memerintahkan kutipan umum baru bagi pembinaan masjid baharu, tetapi tidak boleh mengambil secara automatik duit dari tabung masjid sedia ada melainkan terdapat lebihan yang sah.

7. CADANGAN STRUKTUR DAN TATACARA TABUNG KHAS DI PERAK

- Penubuhan Tabung Khas melalui kelulusan rasmi JAIPk atau MAIPk.
- Pembukaan akaun khas atas nama “Tabung Pembinaan Masjid Negeri Perak”.
- Penerimaan derma awam, wakaf tunai, serta infaq korporat.
- Penyata kewangan dan laporan cash flow wajib diumumkan kepada jemaah.
- Audit tahunan mesti dilakukan oleh pihak berautoriti.
- Dana mestilah digunakan hanya untuk projek pembinaan, bukan aktiviti pentadbiran rutin.

8. KESIMPULAN DAN SARANAN

- Semua mazhab empat mengharuskan pengumpulan dana khas untuk pembinaan masjid, dengan syarat ia digunakan hanya untuk tujuan yang dinyatakan.
- Ulama kontemporari dan fatwa negeri-negeri Malaysia turut memprakui kesahihan tabung khas seperti ini apabila wujud peraturan, ketelusan dan pengawasan syarie.
- Amalan ini bukan sahaja dibolehkan, tetapi amat digalakkan sebagai bentuk infaq fi sabilillah dan usaha untuk menghidupkan sunnah membina rumah Allah di bumi Perak.
- Pihak masjid boleh untuk menyediakan tabung-tabung masjid yang bersifat umum. Seperti peti sumbangan yang dinamakan ‘TABUNG MASJID’ secara umum. Maka wang sumbangan yang dimasukkan ke dalam tabung ini boleh digunakan oleh pihak pengurusan yang diberikan amanah menyelenggara dana sumbangan ini untuk seluruh aktiviti yang mendatangkan *maslahah* kepada kaum muslimin keseluruhannya. Ini membawa erti, wang tersebut boleh diguna pakai untuk

³⁹ <https://www.mahadalybalekambang.ac.id/kas-masjid-untuk-kemaslahatan-umat/>

masalah umat Islam yang berada di bawah kariah masjid dan juga di luar kariah masjid. Meskipun begitu, kami menyatakan bahawa keutamaannya tetap diberikan kepada ahli kariah setempat yang memerlukan.

- Begitu juga dibolehkan bagi pihak pengurusan masjid untuk menyediakan tabung-tabung yang bersifat khusus, dan diletakkan pengkhususan tersebut di tabung-tabung yang disediakan. Sebagai contohnya adalah 'TABUNG ASNAF' 'TABUNG UTILITI' dan seumpamanya. Justeru, dalam menguruskan duit-duit yang diletakkan di dalam tabung-tabung khas begini, pihak masjid hendaklah menggunakan atau menyalurkan wang tersebut kepada tujuan-tujuan yang khas tersebut. Sekiranya ia ditujukan khas kepada asnaf, maka pihak masjid hendaklah menggunakannya untuk asnaf yang lapan. Dari sudut prioriti, asnaf yang diberikan adalah dari kalangan penduduk kariah itu sendiri. Namun, jika adanya keadaan tertentu yang memerlukan ia diberikan kepada asnaf di luar kariah, maka hukumnya adalah dibolehkan. Dalam kes ini, adalah disyorkan untuk memohon pendapat dari Majlis Agama Islam terlebih dahulu.
- Pihak pengurusan masjid hendaklah berusaha untuk mempamerkan *cash flow* (aliran tunai) wang-wang sumbangan yang diberikan tersebut menerusi skrin-skrin layar atau ruangan iklan yang terdapat di kawasan masjid. Ini bagi menzahirkan ketelusan (transparency) disamping memudahkan para jemaah untuk mengetahui ke manakah wang-wang tersebut disalurkan atau sekadar disimpan sahaja tanpa dimanfaatkan untuk masalah dan kepentingan kaum muslimin. Maklumat-maklumat yang dipaparkan ini akan lebih meyakinkan para jemaah untuk terus menerus memberi sumbangan kepada masjid atas kepercayaan mereka kepada pihak pengurusan yang mampu dan tahu menguruskan wang-wang tersebut demi kemaslahatan para jemaah dan kaum muslimin secara umumnya.
- Disyorkan kepada para jemaah yang bersedekah di tabung-tabung masjid atau surau untuk meniatkan sedekah itu secara umum demi kemaslahatan kaum muslimin. Ini memandangkan, secara urufnya seseorang yang bersedekah itu memang meniatkan sedekah kerana Allah S.W.T bagi mendapatkan pahala kebajikan. Namun jika memang dia berniat bersedekah untuk kemaslahatan individu atau golongan tertentu seperti asnaf dalam kawasan kariah tersebut, maka boleh sahaja dia memberikan sendiri kepada pihak pengurusan dan mewakilkan serahan wang tersebut kepada asnaf sendiri, tanpa meletakkannya di dalam tabung masjid.
- Badan-badan berautoriti seperti Jabatan Agama Islam Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri, khususnya unit yang bertanggungjawab mengurus tadbir masjid-

masjid dan juga surau-surau di dalam sesebuah negeri, **DIBOLEHKAN** untuk meminta dana-dana sumbangan ini atas kapasiti sebagai **ULIL AMRI** bagi menjalankan program-program kebajikan yang mendatangkan masalah kepada umat Islam secara umum yang melibatkan seluruh negeri. Meskipun begitu, perlulah diraikan juga situasi kewangan masjid-masjid kerana norma menyaksikan bahawa bukan semua masjid mempunyai kadar kutipan sumbangan derma yang sama. Boleh jadi sesetengah masjid mempunyai kadar kutipan yang tinggi dan boleh jadi sesetengah masjid mempunyai kadar kutipan yang rendah. Manakala dalam keadaan tertentu, pihak masjid juga boleh untuk memohon sumbangan dari Majlis Agama Islam sekiranya dana mereka tidak mencukupi dan ini adalah bagi program-program yang melibatkan masyarakat setempat institusi masjid tersebut.

Rujukan

1. Al-Qur'an Al-Karim
2. Sahih Al-Bukhari, No. Hadis: 2764, Sahih Muslim, No. Hadis: 1633
3. Sahih Muslim, Al-Imam Muslim, Abu Al-Husain Muslim Ibni Al-Hajaj Qushayri Al-Naisaburi (261H), Darul Minhaj - Jeddah, Kerajaan Arab Saudi, 2013
4. Sunan Abi Daud, Al-Imam Abu Daud, Sulaiman Bin Al-Asy'ath As-Sajistani (275H), Darul Qiblah, Jeddah, Kerajaan Arab Saudi, 1998
5. Al-Majmu' Syarah Al-Muhazzab, Al-Imam Muhyiddin Syaraf An-Nawawi (676H), Idarah At-Tiba'ah Al-Muniriyyah, Kaherah, 1348H
6. Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah, Himpunan Pengarang, Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, 1427H
7. Sunan Ibn Majah, Jilid 2,
8. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=masjid>
9. Asna Al-Mathalib, Zakariya Al-Ansari
10. Lisan Al-'Arab
11. Safwah Az-Zubad
12. Al-Ahkam As-Sultaniyyah, Al-Mawardi
13. Ghiyath Al-Umam fi At-Tayyas Az-Zulam, Imam Al-Haramain Al-Juwaini
14. Al-Muqaddimah, Ibn Khaldun
15. Artikel Kaedah (إن نص الواقف كنص الشارع), Hakikatnya dan Aplikasinya. <https://adlm.moj.gov.sa/attach/11480.pdf>
16. l'annah At-Talibin
17. Mughi Al-Muhtaj Syarah Al-Minhaj, Khatib Syarbini
18. Durrul Mukhtar, Hasyiah Ibn Abidin
19. Dar Al-Iftaa' Al-Misriyyah (<https://www.dar-alifta.org/ar/fatwa/details/15577/-حكم-بيع-أنقاض-مسجد-قديم-لبناء-مسجد-جديد>)
20. At-Taj wal Iklil Li mUkhtasar Khalil
21. Al-Mughni li Ibn Qudāmah
22. Dar Al-Iftaa' Al-Urduniyyah (<https://alifta.jo/research-fatwas/3808/-ضوابط-صرف-أموال-التبرعات>)
23. Fathul Wahhab
24. Fiqhul Islami wa Adillatuh, Jilid 3
25. Portal Rasmi Jabatan. Mufti Negeri Pahang (<https://mufti.pahang.gov.my/musykil/hukum-tabung-masjid>)

26. Portal Rasmi Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan
 (<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3856-bayan-linnas-siri-ke-218-pandangan-mengenai-isu-pengurusan-wang-tabung-masjid>)
27. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tanah-masjid-jamek-arridzuan-kutipan-dana-capai-sasaran-urusan-jual-beli-segera-dilakukan-maipk-519910>
28. Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor
 (<https://emusykil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/jawapan?id=4182>)
29. Fatwa-Fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi Dan Kewangan Masjid, Asharaf Mohd. Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy. Haris, Mohd. Aizuddin Abd. Aziz
30. Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Pahang
 (<https://mufti.pahang.gov.my/musykil/hukum-tabung-masjid>)
31. Al-Ḥawī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Syāfiʿī
32. <https://www.mahadalybalekambang.ac.id/kas-masjid-untuk-kemaslahatan-umat/>